



LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI & ALAM SEKITAR
(MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND THE ENVIRONMENT)
TINGKAT 2 & 13, PLAZA PEKELILING
NO. 2, JALAN TUN RAZAK
504000 KUALA LUMPUR



Telefon: 03-40423633/40423657/
40423658/40425462
40425470/40425633
Telefak: 6-03-40415855

15 Ogos 2001

NOTIS PEMBERITAHUAN AELB
BIL. 3/2001

LESEN BAGI MENJALANKAN AKTIVITI PENGANGKUTAN BAHAN RADIOAKTIF

TUJUAN

1. Tujuan notis pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan kepada syarikat atau pemegang lesen (termasuk penjual dan pengguna) bagi aktiviti radiografi industri berhubung dengan lesen bagi menjalankan aktiviti pengangkutan bahan radioaktif.

LATARBELAKANG

2. Seksyen 12(1)(b) Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) telah menetapkan sesiapa yang hendak berurusan dengan apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran mestilah memiliki lesen yang sah yang dikeluarkan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom. Berurusan di sini termasuklah apa-apa aktiviti yang melibatkan pengangkutan bahan-bahan radioaktif, bahan-bahan nuklear, benda-benda ditetapkan atau sisa-sisanya.

3. Memandangkan aktiviti radiografi industri dikategorikan sebagai aktiviti yang berisiko tinggi, maka pengangkutan bahan radioaktif hendaklah dikawal bagi mengelakkan kehilangan, kecurian atau kemalangan semasa pengangkutan bahan-bahan tersebut dan bagi memastikan pemandu dan orang awam tidak menerima dedahan berlebihan serta tidak mencemari alam sekitar.

4. Sehubungan dengan itu, Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Perlesenan) 1986 telah menetapkan sesiapa yang hendak menjalankan aktiviti pengangkutan bahan radioaktif, bahan nuklear atau benda-benda ditetapkan atau sisa-sisanya hendaklah mempunyai lesen Kelas D.

ARAHAN AELB

5. Mulai **2 Januari 2002**, kesemua syarikat atau pemegang lesen (termasuk penjual dan pengguna) bagi aktiviti radiografi industri yang terlibat dengan pengangkutan bahan radioaktif hendaklah memiliki lesen **Kelas D** yang dikeluarkan di bawah Akta 304.
6. Mulai dari tarikh notis ini dikeluarkan, pemegang lesen (termasuk penjual dan pengguna) bagi aktiviti radiografi industri yang telah memiliki kelas lesen selain dari lesen Kelas D, mereka hendaklah mengemukakan permohonan¹ untuk meminda atau membaharui lesen bagi tujuan menambah Kelas D.

PENUTUP

7. Jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung dengan notis pemberitahuan ini, sila berhubung melalui alamat di bawah:

Pengarah
Bahagian Kod Dan Standard
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Tingkat 13, Plaza Pekeliling
Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

e-mel : pbs@aelb.gov.my
<http://www.aelb.gov.my>

Tel : 03 - 4042 3633
Faks : 03 - 4041 5855

¹ Borang permohonan lesen Kelas D - pengangkutan (warna kuning), boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran Lembaga Perlesenan Tenaga Atom, Tingkat 13 Plaza Pekeliling, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur. Sebarang urusan berkenaan dengan permohonan lesen ini hendaklah dirujuk kepada Pengarah Penilaian dan Perlesenan, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom.